



Rujukan : UKM PNC/224/2
Tarikh : 30 Julai 2018

PEKELILING PRO NAIB CANSOLOR (KAMPUS KUALA LUMPUR) BIL. 2/2018

DEKAN/PENGARAH/ KETUA/PENGETUA FAKULTI/INSTITUT/HOSPITAL/JABATAN/KOLEJ KAMPUS KUALA LUMPUR

YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PROSES PENYEDIAAN DOKUMEN KERJASAMA (MoA dan MoU) KAMPUS KUALA LUMPUR

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan Proses Penyediaan Dokumen Kerjasama (MoA/MoU) di Kampus Kuala Lumpur.
3. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Undang-Undang, Kampus Kuala Lumpur adalah Pejabat yang melapor terus kepada Pro NC KKL. Pejabat ini antara peranannya adalah menguruskan permohonan mengadakan dokumen kerjasama seperti Surat Niat, Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian daripada Hospital Canselor Tuanku Muhriz / Fakulti / Institut di bawah pentadbiran Kampus Kuala Lumpur.
4. Bagi memastikan proses penyediaan Dokumen Kerjasama (MoA/MoU) di Kampus Kuala Lumpur berjalan dengan lancar dan cekap, Mesyuarat Pengurusan KKL Bil. 13/2018 pada 28 Jun 2018 telah bersetuju meluluskan pindaan kepada Proses Penyediaan Dokumen Kerjasama (MoA dan MoU) di Kampus Kuala Lumpur. Proses ini diselaraskan dengan pelaksanaan di UKM Bangi dan Universiti Awam yang lain di mana Penyelaras perlu membentangkan cadangan mengadakan MoU / MoA kepada pihak pengurusan sebelum memohon kepada Pejabat Undang-Undang.
5. Pindaan terhadap Carta Alir Proses Penyediaan Dokumen Kerjasama ini melibatkan proses penyediaan kertas kerja serta pembentangan kertas kerja untuk kelulusan Mesyuarat Pengurusan Fakulti dan Mesyuarat Pengurusan Hospital Canselor Tuanku Muhriz oleh Pejabat Undang-Undang, Kampus Kuala Lumpur. Proses terkini adalah Penyelaras yang berhasrat untuk mengadakan dokumen kerjasama dengan pihak luar perlu membentangkan permohonan kepada pihak Mesyuarat Pengurusan Hospital Canselor Tuanku Muhriz / Fakulti / Institut, mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing terlebih dahulu.

PEJABAT PRO NAIB CANSOLOR KAMPUS KUALA LUMPUR

d/a Aras 7, Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI), Jalan Ya'acob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603-9145 9268 / 9271 / 9269 / 9263 / 9259 Faksimili: +603-91717185 Laman Web:<http://www.ukm.my/provckl>

6. Penyelaras kemudiannya perlu memastikan Borang Permohonan Mengadakan MoA / MoU yang lengkap dikepilkan bersama petikan minit Mesyuarat Pengurusan Hospital Canselor Tuanku Muhriz / Fakulti / Institut, mengikut PTJ masing-masing dan diberikan kepada Pejabat Undang-Undang, Kampus Kuala Lumpur supaya Pejabat Undang-Undang, Kampus Kuala Lumpur dapat menyediakan kertas kerja untuk maklum balas Timbalan Naib Canselor (mengikut portfolio) dan kelulusan Naib Canselor UKM.

7. Tempoh masa proses penyediaan deraf MoU/MoA dan tindakan memanjangkan deraf tersebut kepada Penyelaras oleh Pejabat Undang-Undang, Kampus Kuala Lumpur untuk semakan adalah seperti berikut:

- a) **Penyediaan MoU** - Empat belas hari (14) bekerja daripada tarikh Borang Permohonan Mengadakan MoU yang lengkap dan petikan minit Mesyuarat Pengurusan Hospital Canselor Tuanku Muhriz / Fakulti / Institut, mengikut PTJ masing-masing diterima oleh Pejabat Undang-Undang, Kampus Kuala Lumpur; dan
- b) **Penyediaan MoA** - Dua puluh satu hari (21) bekerja daripada tarikh Borang Permohonan Mengadakan MoA yang lengkap dan petikan minit Mesyuarat Pengurusan Hospital Canselor Tuanku Muhriz / Fakulti / Institut, mengikut PTJ masing-masing diterima oleh Pejabat Undang-Undang, Kampus Kuala Lumpur.

Bersama-sama pekeliling ini dilampirkan Carta Alir Proses Penyediaan Dokumen Kerjasama (MoA/MoU) di Kampus Kuala Lumpur.

Kerjasama dan perhatian semua pihak berkaitan perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih

Yang benar,



PROF. DATUK DR. A RAHMAN A JAMAL
Pro Naib Canselor
Kampus Kuala Lumpur

- s.k.
- Naib Canselor UKM
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor UKM
 - Penasihat Undang-undang UKM
 - Pengarah Eksekutif Pentadbiran UKM

CARTA ALIR PENYEDIAAN DOKUMEN KERJASAMA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (KAMPUS KUALA LUMPUR)



